

**PENERIMAAN DAN KEBOLEHGUNAAN REKA  
BENTUK ANTARAMUKA SISTEM PENGURUSAN  
PEMBELAJARAN DI POLITEKNIK MALAYSIA**



MOHD SANUSI BIN DERAMAN

UNIVERSITI  

---

MALAYSIA  

---

KELANTAN

SARJANA SASTERA

2014



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

Penerimaan Dan Kebolegunaan Reka Bentuk  
Antaramuka Sistem Pengurusan Pembelajaran Di  
Politeknik Malaysia

oleh

**Mohd Sanusi Bin Deraman**

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi syarat memperoleh Ijazah  
Sarjana Sastera

**Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

2014

## PENGESAHAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau Institusi.

- TERBUKA** Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)
- SEKATAN** Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah  
Dari tarikh \_\_\_\_\_ hingga \_\_\_\_\_
- SULIT** (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)\*
- TERHAD** (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)\*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut.

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan

730731-03-5341

Nombor Kad Pengenalan

Tarikh :


Tandatangan Penyelia Utama

Dr. Khairul Azhar Bin Mat Daud

Nama Penyelia Utama

Tarikh :

Dengan nama Allah yang Maha Pengasih, Maha Penyayang



## DEDIKASI

Tesis ditujukan khas kepada isteri, Norsyahida Binti Abu Hassan dan anakanda yang dikasihi, Mohammad Najmi dan Kaseh Balkis, Muhammad Hazqil, Bonda Hjh. Mek Mat Hassan dan kaum keluarga yang sentiasa memberi dorongan, serta penyelia-penyelia yang sentiasa memberi panduan.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## ISI KANDUNGAN

	MUKA SURAT
PENGESAHAN TESIS	i
DEDIKASI	ii
ISI KANDUNGAN	iii
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI RAJAH	ix
ABSTRAK	x
<i>ABSTRACT</i>	xi
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Masalah	4
1.3 Penyataan Masalah	11
1.4 Objektif Kajian	13
1.5 Persoalan Kajian	13
1.6 Hipotesis	14
1.7 Kerangka Kajian	14
1.8 Kepentingan Kajian	17
1.9 Batasan Kajian	18
1.9.1 Pelajar Arus perdana dan sepenuh masa	19
1.9.2 Pelajar Tahun Pertama	19
1.9.3 Kehadiran Kuliah Melebihi 80%	20
1.9.4 Politeknik Zon Timur	20
1.10 Kerangka Teori	20
1.11 Definisi Operasional Kajian	22
1.11.1 E-Pembelajaran	22
1.11.2 Sistem Pengurusan Pembelajaran (SPP)	23

1.11.3	<i>Curriculum Information Document Online System (CIDOS)</i>	24
1.11.4	Politeknik Malaysia	24
1.11.5	Kebolegunaan	25
1.11.6	Penerimaan	26
1.11.7	Reka Bentuk Antaramuka	26
1.12	Rumusan	27
<b>BAB 2 SOROTAN KAJIAN</b>		
2.1	Pengenalan	28
2.2	E-Pembelajaran ( <i>E-Learning</i> )	28
2.3	E-Pembelajaran Berevolusi Internet	33
2.4	E-Pembelajaran Di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Malaysia	34
2.5	Model E-Pembelajaran	37
2.5.1	Model Lima Fasa Untuk Pembelajaran Dalam Talian Salmon	37
2.5.2	Model Persekitaran Pembelajaran Melalui Laman Sesawang	40
2.6	Perkembangan E-Pembelajaran Di Politeknik Malaysia	43
2.7	Penerimaan E-Pembelajaran	45
2.8	Persepsi Terhadap E-Pembelajaran	46
2.9	Kemahiran Teknologi Maklumat	47
2.10	Teknologi Maklumat Dan Komunikasi	48
2.11	Sistem Pengurusan Pembelajaran (SPP)	51
2.12	Sistem Pengurusan Pembelajaran Di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Malaysia	53
2.13	Sistem Pengurusan Pembelajaran Di Universiti Teknologi Malaysia (UTM)	55
2.14	Model Reka Bentuk Pembangunan Pemprototaipan Pantas	56
2.15	Reka Bentuk Antaramuka	57

2.16	Kebolegunaan	59
2.17	Kajian Kebolegunaan	60
2.18	Kaedah Kajian Kebolegunaan	61
2.19	Rumusan	62
<b>BAB 3 METODOLOGI KAJIAN</b>		
3.1	Pengenalan	63
3.2	Reka Bentuk Kajian	63
3.3	Populasi Kajian	64
3.4	Pensampelan Kajian	65
3.5	Instrumen Kajian	66
3.6	Kesahan Dan Kebolehpercayaan Soal Selidik	68
3.7	Kajian Rintis	69
3.8	Pengumpulan Data	71
3.8.1	Bahagian A : Data Demografi	71
3.8.2	Bahagian B : Kemahiran Teknologi Maklumat	72
3.8.3	Bahagian C : Tahap Penerimaan	74
3.8.4	Bahagian D : Kebolegunaan	75
3.9	Analisis Data	76
3.10	Prosedur Kajian	78
3.11	Rumusan	80
<b>BAB 4 ANALISIS DATA</b>		
4.1	Pengenalan	81
4.2	Demografi Responden	82
4.2.1	Data Demografi Mengikut Pecahan Politeknik	82
4.2.2	Keturunan Responden	83
4.2.3	Jabatan Pengajian	84
4.2.4	Kekerapan Penggunaan E-Pembelajaran Dalam Seminggu	85
4.3	Analisis Tahap Pengetahuan Teknologi Maklumat	87
4.4	Analisis Penerimaan E-Pembelajaran	89

4.5	Analisis Kebolegunaan Reka Bentuk Antaramuka CIDOS	90
4.6	Korelasi Antara Tahap Pengetahuan Teknologi Maklumat Dengan Penerimaan Terhadap CIDOS	92
4.7	Korelasi Antara Kebolegunaan Dengan Penerimaan CIDOS	93
4.8	Analisis Kebolegunaan Reka Bentuk Antaramuka Rujukan	94
4.9	Analisis Kebolegunaan Reka Bentuk Antaramuka Prototaip	95
4.10	Ujian-T Berpasangan ( <i>Paired T-Test</i> ) Antara Prototaip Dan CIDOS	96
4.11	Ciri-Ciri Reka Bentuk Dan Analisis Keseluruhan	97
4.12	Rumusan	98
<b>BAB 5 PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN</b>		
5.1	Pengenalan	100
5.2	Demografi Responden	101
5.3	Kekerapan Penggunaan E-Pembelajaran	101
5.4	Tahap Kemahiran Teknologi Maklumat	102
5.5	Penerimaan E-Pembelajaran	104
5.6	Kebolegunaan Reka Bentuk CIDOS	106
5.7	Hubungan Antara Kemahiran Teknologi Maklumat Dengan Penerimaan Pelajar Terhadap E-Pembelajaran (CIDOS)	109
5.8	Hubungan Yang Signifikan Antara kebolegunaan Dengan Penerimaan Pelajar Terhadap E-Pembelajaran (CIDOS)	110
5.9	Cadangan Kepada Pengurusan Organisasi	111
5.10	Cadangan Untuk Kajian Masa Depan	114
5.11	Kesimpulan	115
<b>RUJUKAN</b>		118
<b>LAMPIRAN A</b>		136
<b>LAMPIRAN B</b>		140
<b>LAMPIRAN C</b>		144



## SENARAI JADUAL

NO.		MUKA SURAT
1.1	Pecahan domain yang menjadi landasan fasa pembangunan	15
2.1	Perbandingan sistem pengurusan pembelajaran di IPTA Malaysia	54
3.1	Jumlah pelajar semester dua mengikut politeknik utama	65
3.2	Jumlah sampel mengikut pecahan politeknik	66
3.3	Pecahan kriteria soalan kaji selidik	67
3.4	Keterangan penggunaan skala <i>Likert</i>	67
3.5	Pertunjukan nilai <i>Cronbach Alpha</i>	70
3.6	Nilai <i>Cronbach Alpha</i> setiap pembolehubah	70
3.7	Pembahagian tahap min	76
3.8	Interpretasi mengikut kelas pekali korelasi	78
4.1	Latar belakang responden mengikut jantina, umur dan politeknik	82
4.2	Taburan responden mengikut keturunan	83
4.3	Taburan responden mengikut jabatan pengajian	84
4.4	Taburan kekerapan penggunaan e-pembelajaran	85
4.5	Taburan peratusan kekerapan mengikut politeknik	86
4.6	Keputusan analisis deskriptif tentang kemahiran teknologi maklumat	87
4.7	Keputusan analisis deskriptif tentang penerimaan CIDOS	89
4.8	Keputusan analisis deskriptif kebolegunaan	90
4.9	Keputusan ujian <i>Spearman Rho</i> terhadap hubungan antara tahap kemahiran teknologi maklumat dengan penerimaan	92
4.10	Keputusan ujian <i>Spearman Rho</i> terhadap hubungan antara kebolegunaan dengan penerimaan	93

4.11	Keputusan analisis deskriptif kebolegunaan antaramuka skrin rujukan	94
4.12	Keputusan analisis deskriptif kebolegunaan antaramuka skrin prototaip	95
4.13	Keputusan Ujian-T antara kebolegunaan CIDOS dan prototaip	96
4.14	Ciri-ciri reka bentuk dan analisis SPP keseluruhan	97



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## SENARAI RAJAH

NO.		MUKA SURAT
1.1	Paparan antaramuka cidos	8
1.2	Kerangka konsep kajian	17
2.1	Model persekitaran pembelajaran melalui laman sesawang	41
2.2	Statistik capaian sistem <i>e-learning@utm</i> mengikut semester	56
2.3	Model reka bentuk pemprototaipan pantas	57
3.1	Graf hubungan bagi ujian kolerasi	77
3.2	prosedur kajian	79



## Penerimaan dan Kebolehgunaan Reka Bentuk Antaramuka Sistem Pengurusan Pembelajaran di Politeknik Malaysia

### ABSTRAK

E-Pembelajaran merupakan kaedah pembelajaran yang telah lama digunakan di semua Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Malaysia. Perkembangan ini selaras dengan hasrat kerajaan yang mahu memperkasakan penggunaan multimedia dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Politeknik Malaysia juga menggunakan aplikasi e-pembelajaran yang dikenali sebagai *Curriculum Information Document Online System* (CIDOS). Kajian e-pembelajaran di Politeknik Malaysia ini amat penting bagi mengukur penerimaan sistem dan kebolehgunaan reka bentuk antaramuka Sistem Pengurusan Pembelajaran (SPP) selaras dengan dasar kerajaan bahawa e-pembelajaran negara akan dilaksanakan secara optimum pada tahun 2015 sekaligus mewujudkan sistem pembelajaran secara terbuka di akses secara adil untuk mewujudkan masyarakat yang berilmu. Kajian dilaksanakan secara deskriptif dan inferens melalui tinjauan soal selidik dengan skala lima mata Likert bertujuan untuk mengetahui tahap penerimaan sistem, pengetahuan teknologi maklumat dan kebolehgunaan reka bentuk antaramuka pengguna SPP. Borang soal selidik diedarkan kepada 351 orang responden di tiga buah politeknik. Data yang diperolehi di kumpul dan dianalisis menggunakan aplikasi SPSS versi 20. Data kajian diterjemahkan dalam bacaan frekuensi, peratusan, min, sisihan piawai, nilai signifikan dan nilai pengkali korelasi. Melalui analisis, data yang diperolehi menunjukkan bahawa pengetahuan teknologi maklumat pelajar berada pada tahap yang tinggi ( $min = 3.75$ ). Manakala penerimaan e-pembelajaran ( $min = 3.55$ ) dan kebolehgunaan reka bentuk antaramuka ( $min = 3.64$ ) pula berada pada tahap yang sederhana. Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa penerimaan e-pembelajaran mempunyai hubungan yang signifikan dengan pengetahuan teknologi maklumat dan kebolehgunaan reka bentuk antaramuka SPP.

MALAYSIA

KELANTAN

## Acceptance and Usability Interface Design Learning Management System at Malaysian Polytechnic

### ABSTRACT

E-Learning is a learning media that have long been used in all the Institutions of Higher Learning (IPTA) since 2007 development is in line with the government's wish to strengthen the use of multimedia in teaching and learning process. Malaysian polytechnics have been using e-learning applications, known as Curriculum Online Document Information System (CIDOS) in all levels of study. A study of e-learning is important to measure the acceptance and usability of the system interface design Learning Management System (CMS) in accordance with government policy that e-learning will be implemented in an optimum state in 2015, thus creating an open learning system in a fair access to create a knowledge society. This study is a descriptive and inferential through survey questionnaires with a five-point Likert scale to determine the level of acceptance of the system, information technology skills and usability of user interface design LMS. Survey questionnaires were distributed to 351 respondents in three polytechnics. Data were collected and analyzed using SPSS version 20 applications for the frequency, percentage, mean, standard deviation, and the significant value pengkali correlation. Through the analysis, the data obtained show that the knowledge of information technology are at a high level (mean = 3.75). The acceptance of e-learning (mean = 3.55) and usability of interface design (mean = 3.64) was at a moderate level. This study also shows that the acceptance of e-learning has a significant relationship with the knowledge of information technology and the usability of interface design LMS.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 Pendahuluan


Teknologi digital dan penghantaran data maklumat yang sangat laju kini membuka ruang yang luas di dalam bidang pendidikan (Juraidah Mohd Amin, et al., 2009). Teknologi multimedia meresap ke dalam bidang pendidikan dan pengembangannya berterusan dimungkinkan oleh kecanggihan teknologi maklumat dan komunikasi. Penghantaran maklumat berkomputer untuk pendidikan di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) telah membawa kepada perubahan kaedah e-pembelajaran. Teknologi multimedia yang digunakan dalam e-pembelajaran berkait rapat dengan pengetahuan teknologi maklumat dan komunikasi (Latifah, Ramli, & Ng, 2009).

Teknologi maklumat dan komunikasi merupakan asas dalam pengurusan kehidupan seharian masa kini. Teknologi maklumat dan komunikasi sudah tidak asing lagi kepada semua peringkat masyarakat di Malaysia. Sekarang teknologi maklumat dan komunikasi terus berkembang membawa kepada penggunaan internet dan multimedia. Dalam bidang pendidikan, penggunaan multimedia telah lama diamalkan semenjak tahun 2007 tetapi sekarang ianya digabungkan pula dengan internet. Peralihan teknologi ini tidak dapat dielakkan dan mesti dilakukan perubahan yang sewajarnya.

Peralihan teknologi ini menyebabkan pasaran memerlukan tenaga kerja yang celik literasi teknologi dan berupaya bekerja dalam persekitaran intensif teknologi maklumat. Utusan Malaysia pada 5 Jun 2005 melaporkan Timbalan Perdana Menteri menyatakan bahawa jika rakyat terus tidak ambil peduli tentang perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi atau tidak meningkatkan minat untuk belajar menguasai ilmu teknologi maklumat, maka mereka akan ketinggalan zaman. Ekoran itu, kerajaan Malaysia telah melaksanakan beberapa langkah penambahbaikan dalam bidang pendidikan.

Malaysia telah mengambil inisiatif dalam sistem pendidikan sebagai penyelesaian kepada perkembangan teknologi maklumat. Pada tahun 1992, Kementerian Pendidikan telah menggalakkan penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran (Rozlan Abdul Hamid, 2000). Dalam usaha untuk merealisasikan Wawasan 2020, kerajaan telah mengeksploitasi teknologi maklumat melalui projek Koridor Raya Multimedia (*Multimedia Super Corridor, MSC*) dengan meletakkan pembelajaran maya sebagai salah satu keutamaan yang akan menghasilkan tenaga kerja mahir dan bermaklumat. Sejak teknologi maklumat diangkat sebagai simbol segala teknologi, pendidikan maya, universiti maya dan e-pembelajaran menjadi simbol status yang membanggakan (Jamaluddin, 2006). Sistem pendidikan maya dan kaedah e-pembelajaran memerlukan dasar yang jelas dan praktikal. Bagi memenuhi kehendak kaedah e-pembelajaran ini, kerajaan telah merangka Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) peringkat sebagai pedoman dalam pelaksanaan pendidikan pengajian tinggi.

Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) ini dilancarkan pada 27 Ogos 2007 telah menggariskan tujuh (7) teras pelan strategik utama yang perlu diperkukuhkan termasuklah aspek pengajaran dan pembelajaran di peringkat pengajian tinggi. E-pembelajaran yang menyokong proses pengajaran dan pembelajaran sangat penting sebagai satu medium perhubungan masa kini di antara pensyarah dengan pelajar. Kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi telah digunakan oleh pelajar sebagai satu kaedah untuk mendapatkan maklumat dengan cara lebih pantas dan meluas (Mohd Amin & Mohd Najib, 2010).



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN